



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**PASAI POLITIK
KITA BERKELAH?**



Tarikh Bacaan:
17 JULAI 2026M / 2 SAFAR 1448H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Pasai Politik Kita Berkelahi?

17 Julai 2026M/ 2 Safar 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾ سورة الحجرات

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa merupakan bekalan terbaik menuju kebahagiaan dunia dan akhirat. Dengan ketakwaan, lahirlah jiwa yang tunduk kepada Allah, hati yang dipenuhi kasih sayang serta kehidupan yang dipayungi rahmat-Nya.

Menjadi tanggungjawab saya di sini untuk berpesan kepada diri saya dan kepada sidang jemaah sekalian agar sama-sama bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Hanya ibadah yang dibina

atas dasar takwa akan melahirkan hubungan yang erat antara hamba dengan Tuhan-Nya. Apabila hubungan dengan Allah semakin kukuh, maka akan lahir sifat kasih sayang, belas ihsan dan kelembutan terhadap sesama manusia.

Namun demikian, cita-cita untuk menjadi insan yang bertakwa tidak akan tercapai sekiranya hubungan persaudaraan sesama Muslim tidak dipelihara dengan baik. Justeru, khutbah pada hari ini mengajak kita merenung kembali tentang pentingnya menjaga ukhuwah Islamiah serta menjauhi segala perkara yang boleh merosakkan hubungan sesama saudara seagama.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Realiti kehidupan pada hari ini memperlihatkan bahawa manusia semakin mudah berhubung, namun pada masa yang sama semakin mudah pula bermusuhan. Kemudahan teknologi dan media sosial yang sepatutnya mendekatkan manusia kadangkala menjadi punca salah faham, perselisihan dan perpecahan.

Betapa ramai yang tersinggung hanya kerana beberapa patah perkataan. Betapa ramai yang memutuskan hubungan kerana perbezaan pandangan politik. Ada yang terlalu mempertahankan pendapat sendiri sehingga melukai hati orang lain. Ada yang merasakan dirinya sentiasa benar sehingga gagal menerima teguran dan pandangan yang berbeza.

Kadangkala seseorang berasa bangga apabila orang lain menjauhkan diri daripadanya. Dia menyangka dirinya telah menang dalam sesuatu perdebatan atau berjaya mempertahankan prinsip yang diyakininya. Namun dia terlupa bahawa mungkin terdapat hati-hati yang

terluka disebabkan sikap dan tindakannya. Dia terlupa bahawa kemenangan yang sebenar bukanlah apabila kita berjaya mengalahkan orang lain, tetapi kejayaan yang sebenar ialah apabila kita berjaya memelihara ukhuwah dan menyatukan hati-hati manusia.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Muhasabah sejenak. Berapa ramai dalam kalangan kita yang masih menyimpan rasa tidak puas hati terhadap saudara seagama? Berapa ramai yang mengingati kesalahan orang lain bertahun-tahun lamanya tetapi melupakan segala kebaikan yang pernah dilakukan oleh mereka? Berapa ramai yang enggan memaafkan hanya kerana mempertahankan ego dan maruah diri?

Bahkan dalam kelompok keluarga, sahabat, jawatankuasa dan komuniti sekalipun, kita melihat satu fenomena yang semakin biasa berlaku iaitu tindakan meninggalkan kumpulan perbualan media sosial apabila timbul rasa tidak puas hati, tersinggung atau tidak bersetuju dengan pandangan tertentu. Meskipun tindakan tersebut mungkin kelihatan kecil, namun ia sebenarnya menggambarkan satu hakikat yang lebih besar iaitu semakin rapuhnya kemampuan kita untuk mengurus perbezaan dan memelihara ukhuwah sesama Muslim.

Kadangkala kita menyangka bahawa kita sedang mempertahankan kebenaran, sedangkan hakikatnya kita sedang mempertahankan ego. Kita menyangka bahawa kita sedang menegakkan prinsip, sedangkan sebenarnya kita hanya enggan mengaku kesilapan diri sendiri. Sedangkan Rasulullah ﷺ telah memberi amaran keras

terhadap perbuatan memutuskan hubungan ukhuwah dan silaturahmi.
Baginda bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعُ رَحِمٍ

Maksudnya: *"Tidak akan masuk syurga orang yang memutuskan hubungan silaturahmi."* (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Kita hendaklah berhati-hati dalam setiap tindakan dan perkataan. Jangan sampai sikap kasar, takabbur dan keengganan menerima pandangan orang lain menjadi sebab renggangnya hubungan sesama Muslim.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Allah berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 10 yang dibacakan pada awal khutbah maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara. Maka damaikanlah antara kedua-dua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

Apabila Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى memerintahkan kita supaya bersaudara, syaitan pula berusaha memecah-belahkan kita. Syaitan mengetahui bahawa apabila persaudaraan runtuh, maka kekuatan umat Islam juga akan runtuh. Apabila hati dipenuhi prasangka, kebencian dan permusuhan, maka syaitan telah berjaya mencapai sebahagian daripada matlamatnya.

Lebih membimbangkan apabila kemudahan teknologi hari ini menjadikan manusia semakin pantas memberi respon tetapi semakin

lambat memahami perasaan orang lain. Jari menjadi terlalu pantas menaip, namun hati semakin kurang bertimbang rasa. Ada yang menulis dengan niat yang baik tetapi dibaca dengan sangkaan yang buruk. Ada yang memberikan teguran yang benar tetapi disampaikan dengan cara yang kasar dan melukakan.

Akibatnya, hubungan menjadi renggang, persahabatan menjadi hambar dan persaudaraan semakin longgar. Sedangkan Islam tidak pernah mengajar umatnya untuk memenangkan kebenaran dengan cara menghancurkan hati manusia.

Nabi ﷺ membangunkan masyarakat Islam dengan asas akhlak yang mulia. Melalui akhlak yang luhur, Baginda berjaya menawan hati manusia sehingga Islam dihormati oleh kawan dan lawan.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH ﷻ,

Daripada huraian khutbah pada hari ini, jelaslah bahawa perpecahan tidak pernah menyelesaikan masalah. Justeru, marilah kita mengambil tiga pengajaran penting:

Pertama: Bina dan peliharalah persaudaraan atas dasar takwa serta keikhlasan kerana Allah. Jangan biarkan prasangka buruk merosakkan hubungan yang telah lama terbina.

Kedua: Korbankan ego, takabbur, dengki dan *'ujub* yang menjadi racun kepada ukhuwah.

Ketiga: Ambillah pengajaran daripada kisah pengorbanan para sahabat dalam Perang Yarmuk yang mendahulukan saudara mereka. Inilah

contoh agung sifat *isar*, iaitu mendahulukan kepentingan orang lain kerana Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam Surah al-Ma'idah ayat 2:

... وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ... ﴿٢﴾

Maksudnya: "...dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam perkara kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam perkara dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah)"...

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2021 telah memutuskan seperti berikut:

Pertama: Penggunaan Platelet-Rich Plasma (PRP) untuk rawatan estetik atau terapeutic tidak diharuskan secara mutlak sebaliknya memerlukan kepada pertimbangan masyaqqah pesakit.

Kedua: Ini bagi mengelakkan masyarakat bermudah-mudah dalam urusan yang melibatkan muharramat.

Ketiga: Rawatan ini perlu disyorkan oleh doktor bertauliah dan dilaksanakan mengikut prosedur yang boleh bagi mengelakkan risiko kesan sampingan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطَيْنِ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فَيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلَايَةً قَوْلَاو فَيَنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعَنَائِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan

solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG